



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

RM9.24 JUTA DISALURKAN KEPADA 462 RUMAH IBADAT MASYARAKAT INDIA 'DHARMA MADANI' PERKASA KOMUNITI INDIA

PUTRAJAYA, 28 APRIL 2026 — Rumah ibadat merupakan institusi penting dalam membentuk masyarakat yang berilmu, berakhlak dan bersatu padu. Dalam mendepani cabaran masa hadapan, peranan kuil sebagai pusat pembangunan komuniti perlu terus diperkasa secara menyeluruh dan berstruktur.

Sehubungan itu, hari ini Kerajaan MADANI melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) meneruskan komitmen memperkukuh institusi kerohanian dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada rumah ibadat Hindu di bawah inisiatif Program Dharma MADANI. Dalam Majlis Perjumpaan bersama Pemimpin Kuil Hindu Fasa Kedua di Dewan Kalamandapam, Brickfields, **sebanyak RM6 juta telah diagihkan kepada 300 buah kuil**, menjadikan jumlah keseluruhan agihan setakat ini mencecah **RM9.24 juta kepada 462 pusat ibadat di seluruh negara**.

Penyaluran ini merupakan sebahagian daripada peruntukan keseluruhan RM20 juta yang menyasarkan manfaat kepada 1,000 buah kuil Hindu, dengan setiap satu menerima RM20,000.

Program Dharma MADANI yang dirangka dengan pendekatan yang jelas bukan sekadar memberi bantuan, tetapi membina kekuatan dalaman komuniti melalui pembangunan kerohanian, pemerksaan budaya dan pengukuhan jaringan sosial.

Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, dalam ucapannya menegaskan bahawa Kerajaan MADANI komited memastikan rumah ibadat terus berfungsi sebagai institusi pembangunan masyarakat, supaya rumah ibadat dapat laksana program komuniti yang dapat memanfaatkan masyarakat India setempat.

“Pada hari ini, kita bukan sekadar menyalurkan bantuan kewangan kepada rumah ibadat masyarakat India, tetapi kita sedang memperkukuh peranan rumah ibadat sebagai pusat pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya tahan. Rumah Ibadat harus menjadi ruang yang membina nilai, memperkasa ilmu dan menyatukan masyarakat,” katanya.

Beliau turut menekankan bahawa bantuan yang disalurkan perlu dimanfaatkan sebaiknya untuk program yang memberi impak langsung kepada masyarakat, khususnya dalam aspek pendidikan, kerohanian dan pembangunan generasi muda.

“Saya mahu melihat kuil-kuil memainkan peranan yang lebih aktif bukan sahaja dalam memelihara tradisi dan budaya, tetapi juga sebagai pusat bimbingan akademik, pembangunan sahsiah dan kepimpinan anak-anak muda. Inilah pelaburan sebenar untuk masa depan komuniti,” tambah beliau.

Ketua Pengarah MITRA, Raveendran Nair pula menegaskan bahawa bantuan yang disalurkan hari ini merupakan satu pelaburan strategik

jangka panjang untuk membina komuniti India yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing.

Pelaksanaan bantuan dilakukan secara berperingkat berdasarkan permohonan yang diterima, dan bagi menjamin ketelusan serta akauntabiliti, senarai penerima akan dikemas kini secara berkala melalui laman web rasmi MITRA.

Usaha berterusan ini diyakini mampu memperkukuh asas komuniti India di negara ini, sekali gus membuka ruang kepada masa depan yang lebih inklusif, progresif dan mampan.

-Tamat-

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
28 APRIL 2026**